

Notis Privasi Calon Global

Hubungan Notis Privasi: corporateprivacy.im@pg.com	Semakan terakhir: 7 Februari, 2025
Wilayah: Global	Skop: Semua Calon

1.0 Tujuan

Notis ini (“Notis”) memaklumkan kepada anda maklumat tentang cara Syarikat Procter & Gamble serta anak syarikat dan/atau sekutunya (“P&G” atau “Syarikat”) akan mengumpulkan dan menguruskan maklumat peribadi anda (“Maklumat Peribadi Calon”). Untuk tujuan Notis ini, terma Calon termasuk mana-mana individu yang telah menunjukkan minat untuk memohon pekerjaan dengan P&G dan/atau memberikan Maklumat Peribadi kepada P&G untuk diambil bekerja di P&G, termasuk individu yang pernah diambil bekerja oleh P&G sebelum ini dan telah menyerahkan semula butiran mereka untuk pertimbangan bagi peranan baharu.

Notis ini selaras dengan [Tujuan, Nilai dan Prinsip](#) (“PVP”) P&G. Selain itu, banyak negara mempunyai keperluan undang-undang khusus yang mengawal penggunaan Maklumat Peribadi, termasuk Maklumat Peribadi Calon. Syarikat akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan termasuk undang-undang perlindungan data dan penentuan bersama tempatan serta akan melaksanakan dasar, standard dan prosedur tambahan untuk memenuhi keperluan-keperluan ini apabila diperlukan. Selain itu, Maklumat Peribadi Calon yang dikumpulkan dan/atau diakses oleh P&G mungkin berbeza mengikut bidang kuasa bagi mematuhi undang-undang tempatan.

Syarikat berusaha dengan sewajarnya untuk memastikan Maklumat Peribadi Calon boleh dipercayai untuk tujuan penggunaannya. Calon juga turut bertanggungjawab untuk mengemas kini dan memeriksa ketepatan maklumat yang diberikan mereka atau orang lain kepada P&G bagi pihak mereka.

2.0 Notis

P&G menghormati privasi anda. Notis ini menjelaskan cara kami memproses Maklumat Peribadi Calon, jenis maklumat yang kami kumpulkan; tujuan kita menggunakannya; asas undang-undang atau perniagaan yang berkaitan; pihak yang kami berkongsinya dengan mereka; dan pilihan yang boleh anda buat tentang penggunaan Maklumat Peribadi Calon kami. Kami juga menjelaskan langkah yang kami ambil untuk melindungi keselamatan Maklumat Peribadi Calon dan cara anda boleh menghubungi kami mengenai amalan privasi kami.

2.1 Apakah Jenis Maklumat Peribadi Calon Yang Kami Kumpulkan?

Kami sentiasa memastikan jenis dan jumlah Maklumat Peribadi Calon yang mungkin dikumpulkan daripada atau tentang anda oleh Syarikat adalah pada tahap minimum. Walau bagaimanapun, pengumpulan maklumat dan akses kepada maklumat berkenaan adalah berbeza mengikut keperluan undang-undang dan/atau perniagaan yang khusus di setiap negara. Kami akan memaklumkan kepada anda semasa pengumpulan maklumat apabila Maklumat Peribadi Calon

yang kami minta daripada anda adalah secara sukarela (dan bukan diperlukan) untuk meneruskan proses perekrutan anda.

Terdapat beberapa peringkat pengumpulan Maklumat Peribadi Calon semasa tempoh perekrutan pekerja:

Peringkat 1: Maklumat Peribadi yang dikumpulkan daripada Calon yang belum lagi memulakan proses perekrutan pekerja kami, tetapi telah menunjukkan minat untuk memohon bekerja di P&G:

Jenis Maklumat Peribadi Calon yang Dikumpulkan dalam Peringkat 1	Mengapakah Kami Mengumpulkan dan Memproses Jenis Maklumat Peribadi Calon Tersebut?
<p><u><i>Maklumat Hubungan</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh atau nama terdahulu (seperti nama sebelum berkahwin) • Gelaran dan panggilan hormat, termasuk nama dan gelaran pilihan • Alamat e-mel • Nombor telefon mudah alih 	<p>Untuk menyampaikan anda berita, kemas kini, dan/atau tinjauan tentang kerjaya dan peranan P&G melalui e-mel, dan/atau mesej teks (termasuk aplikasi pemesejan teks seperti WhatsApp).</p> <p>Untuk membenarkan P&G dan rakan kongsi pengiklanannya memaparkan berita dan kemas kini tentang kerjaya dan peranan P&G melalui saluran dalam talian (seperti media sosial).</p>
<p><u><i>Data Profesional</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Resume atau CV 	<p>Untuk menilai kemahiran, kelayakan dan minat anda terhadap peluang kerjaya kami.</p>
<p><u><i>Data Pengenalan Digital</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Alamat IP • Kuki, tag dan/atau pengecam piksel 	<p>Untuk menyampaikan perkhidmatan digital melalui laman web dan aplikasi perekrutan kami, termasuk: untuk memberikan anda kemas kini yang berkaitan tentang kerjaya dan peranan P&G yang mungkin anda minati, untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara anda berinteraksi dengan kandungan P&G, untuk membantu P&G meningkatkan pengalaman semasa melawat laman web kami, untuk mengingati keutamaan anda (seperti bahasa atau wilayah), untuk mengenal pasti dan menyelesaikan ralat, untuk menganalisis prestasi laman web kami, dan memudahkan proses permohonan untuk tindakan yang masih diperlukan daripada calon.</p>
<p><u><i>Maklumat Perubatan atau Kesihatan</i></u></p> <p>*Data ini hanya dikumpul jika anda berkongsi maklumat tersebut dengan P&G secara sukarela.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dokumentasi boleh diperolehi daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad 	<p>Untuk menilai dan menyediakan penyesuaian, jika mungkin dan sesuai, semasa proses temuduga dan permohonan.</p> <p>Harap maklum bahawa proses penyesuaian calon P&G mungkin berbeza bergantung pada lokasi dan keadaan anda. Di lokasi dan situasi tertentu, P&G mungkin hanya meminta anda memberikan butiran mengenai penyesuaian khusus yang diperlukan, dan tidak akan meminta maklumat perubatan atau butiran tentang ketidakupayaan anda. Di</p>

<p>kepada Calon, penyedia perubatan Calon, sekolah, universiti atau pekerja sosial agensi, kaunselor, pakar vokasional atau pakar/profesional lain.</p>	<p>lokasi dan keadaan lain, maklumat/dokumen perubatan mungkin diperlukan untuk menilai dan memudahkan permintaan anda. Dalam apa jua keadaan, maklumat perubatan atau kesihatan tidak boleh diberikan kecuali jika diminta secara khusus oleh P&G.</p> <p>Sebarang maklumat yang diberikan oleh calon sebagai sebahagian daripada proses penyesuaian bagi calon P&G adalah dikongsi secara sukarela oleh calon. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk memberikan maklumat yang diminta mungkin menyebabkan P&G tidak dapat menilai dan menyediakan penyesuaian yang sesuai.</p> <p>Ketahui lebih lanjut tentang proses Penyesuaian Calon P&G di sini.</p>
---	--

Peringkat 2: Maklumat Peribadi yang dikumpulkan daripada peserta aktif dalam proses perekrutan kami:

Jenis Maklumat Peribadi Calon yang Dikumpulkan dalam Peringkat 2	Mengapakah Kami Mengumpulkan dan Memproses Jenis Maklumat Peribadi Calon Tersebut?
<p><u>Maklumat Hubungan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh atau nama terdahulu (seperti nama sebelum berkahwin) • Gelaran dan panggilan hormat, termasuk nama dan gelaran pilihan • Alamat surat menyurat • Alamat e-mel • Nombor telefon • Nombor telefon mudah alih 	<p>Untuk memulakan permohonan pekerjaan anda dan menghubungi anda dengan tindakan dan kemas kini yang diperlukan. Data sedemikian digunakan sepanjang proses perekrutan yang selebihnya untuk berkomunikasi dengan anda.</p> <p>Jika anda bersetuju, P&G juga boleh menghantar kemas kini automatik kepada anda melalui aplikasi pemesejan teks atau teks (cth. peringatan untuk melengkapkan dokumentasi yang diperlukan).</p>
<p><u>Data Profesional</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Resume atau CV 	<p>Untuk menilai kemahiran, kelayakan dan minat anda terhadap peluang kerjaya kami.</p>
<p><u>Data Profesional Tambahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sejarah pekerjaan terdahulu termasuk rujukan • Data daripada profil LinkedIn dan platform yang serupa • Data akademik seperti maklumat pendidikan dan ijazah • Lesen profesional, sijil, keahlian serta keanggotaan 	<p>Untuk membantu kami menilai anda terhadap keperluan tertentu bagi peranan(-peranan) yang anda mohon.</p>

<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran peribadi dan profesional (mis., bahasa pertuturan), minat dan hobi • Matlamat dan minat profesional 	
<p><u>Pengenalan Digital Tambahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tandatangan digital 	<p>Untuk membolehkan anda mengesahkan dan memberikan izin dan menyerahkan borang permohonan pekerjaan dalam format digital.</p>
<p><u>Maklumat Audio Visual</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Imej • Suara 	<p>Untuk membolehkan kami menjalankan temu duga melalui telefon/video.</p>
<p><u>Maklumat kewangan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat akaun bank 	<p>Untuk mempermudah bayaran balik bagi perbelanjaan semasa proses temu duga.</p>
<p><u>ID Kerajaan/Maklumat Kelayakan Kerja</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • ID Kebangsaan • Kewarganegaraan • Kediaman • Status Kerakyatan • Negara kelahiran 	<p>Untuk menentukan kelayakan kerja anda untuk peranan(-peranan) tertentu yang anda sedang memohon dan untuk memastikan bahawa tiada permohonan duplikasi.</p>
<p><u>Keputusan Ujian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Markah daripada sebarang ujian bakat, pemunasabahan atau personaliti yang anda lengkapkan sebagai sebahagian daripada proses perekrutan. 	<p>Untuk menentukan kelayakan dan kesesuaian anda untuk peranan yang berkaitan sebelum memasuki kontrak pekerjaan dengan anda.</p>
<p><u>Ciri Peribadi*</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jantina • Status Kurang Upaya • Status ketenteraan dan/atau veteran • Etnik dan/atau bangsa <p>*Perhatikan bahawa pengumpulan jenis Maklumat Peribadi ini mungkin berbeza bergantung pada lokasi geografi dan tertakluk kepada</p>	<p>Untuk menilai dan menyokong kepelbagaian dalam usaha perekrutan dan pengambilan pekerja kami serta bagi tujuan pelaporan undang-undang, tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa.</p> <p>Mengikut pilihan anda, kami juga boleh menggunakan maklumat ini untuk memudahkan penyertaan anda dengan kumpulan perkaitan P&G.</p>

<p>undang-undang yang diguna pakai. Data sedemikian mungkin tidak diminta di semua lokasi dan sebaliknya boleh dikumpulkan dalam Peringkat 3 di bawah.</p>	
<p><u><i>Maklumat Perubatan atau Kesihatan</i></u></p> <p>*Data ini hanya dikumpul jika anda berkongsi maklumat tersebut dengan P&G secara sukarela.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dokumentasi boleh diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada Calon, penyedia perubatan Calon, sekolah, universiti atau pekerja sosial agensi, kaunselor, pakar vokasional atau pakar/profesional lain. 	<p>Untuk menilai dan menyediakan penyesuaian, jika mungkin dan sesuai, semasa proses temuduga dan permohonan.</p> <p>Harap maklum bahawa proses penyesuaian calon P&G mungkin berbeza bergantung pada lokasi dan keadaan anda. Di lokasi dan situasi tertentu, P&G mungkin hanya meminta anda memberikan butiran mengenai penyesuaian khusus yang diperlukan, dan tidak akan meminta maklumat perubatan atau butiran tentang ketidakupayaan anda. Di lokasi dan keadaan lain, maklumat/dokumen perubatan mungkin diperlukan untuk menilai dan memudahkan permintaan anda. Dalam apa jua keadaan, maklumat perubatan atau kesihatan tidak boleh diberikan kecuali jika diminta secara khusus oleh P&G.</p> <p>Sebarang maklumat yang diberikan oleh calon sebagai sebahagian daripada proses penyesuaian bagi calon P&G adalah dikongsi secara sukarela oleh calon. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk memberikan maklumat yang diminta mungkin menyebabkan P&G tidak dapat menilai dan menyediakan penyesuaian yang sesuai.</p> <p>Ketahui lebih lanjut tentang proses Penyesuaian Calon P&G di sini.</p>
<p><i>Perhubungan(-perhubungan) dengan mana-mana individu(-individu) yang bekerja untuk P&G atau syarikat yang membuat produk serupa dengan P&G, termasuk, butiran perhubungan tersebut jika berkenaan.</i></p>	<p>Untuk menapis permohonan anda terhadap kemungkinan konflik kepentingan.</p>
<p><i>Maklumat tambahan yang dikumpulkan semasa proses temu duga</i></p>	<p>Untuk membantu kami menilai anda terhadap keperluan tertentu bagi peranan(-peranan) yang anda mohon.</p>
<p><i>Sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh undang-undang untuk pematuhan pekerjaan atau secara sukarela diberikan kepada kami oleh Calon</i></p>	

Peringkat 3: Maklumat Peribadi yang dikumpulkan selepas Calon menerima tawaran pekerjaan, tetapi sebelum memulakan pekerjaan:

Jenis Maklumat Peribadi Calon yang Dikumpulkan dalam Peringkat 3	Mengapakah Kami Mengumpulkan dan Memproses Jenis Maklumat Peribadi Calon Tersebut?
<u>ID Kerajaan Tambahan/Maklumat Kelayakan Kerja</u>	<p>Untuk membolehkan pengesahan pekerjaan dan semakan latar belakang seperti semakan rujukan, pengesahan lesen dan semakan rekod jenayah, tertakluk kepada undang-undang yang terpakai.</p> <p>Bagi pengurusan keselamatan dan risiko, seperti pengumpulan data lesen memandu untuk pekerja yang mengendalikan kenderaan Syarikat, pengesahan lesen profesional, pencegahan penipuan dan tujuan lain yang serupa.</p>
<u>Maklumat Perubatan atau Kesihatan</u>	<p>Untuk menentukan sama ada anda boleh melaksanakan tugas peranan anda dengan selamat dan untuk menentukan sama ada anda memerlukan sebarang kemudahan yang munasabah untuk berbuat demikian, tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa dan hanya jika diperlukan untuk peranan anda.</p>
<i>Sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh undang-undang untuk pematuhan pekerjaan atau secara sukarela diberikan kepada kami oleh Calon</i>	

Perlu diingatkan bahawa sebarang data peribadi tambahan yang dikumpul selepas tawaran pekerjaan diterima, termasuk data peribadi yang diproses untuk tujuan pembayaran gaji, manfaat, penempatan semula, keahlian kesatuan sekerja, dan aktiviti pendaftaran pekerja baharu yang lain, dianggap sebagai Data Peribadi Pekerja dan akan tertakluk kepada [Dasar Privasi Pekerja Global P&G](#) (serta sebarang dasar serantau yang berkenaan). Selanjutnya, apabila seseorang calon diterima sebagai pekerja, Maklumat Peribadi Calon tertentu yang diberikan semasa proses permohonan akan dipindahkan ke rekod pekerja untuk tujuan pengurusan Sumber Manusia dan hal-hal berkaitan. Setelah itu, maklumat tersebut akan diklasifikasikan sebagai Data Peribadi Pekerja dan tertakluk kepada [Dasar Privasi Global P&G](#) (dan sebarang dasar serantau yang berkenaan).

Maklumat Peribadi Calon yang mungkin disimpan sebagai Maklumat Peribadi Pekerja termasuk, tetapi tidak terhad kepada: Maklumat Hubungan yang merangkumi nama, e-mel, nombor telefon, dan alamat; Maklumat Profesional/Tambahan seperti resume/CV, data pendidikan, dan data pengalaman kerja; Maklumat Pengenalan Diri Kerajaan/Kelayakan Bekerja termasuk kad pengenalan negara, kewarganegaraan, status pemastautin, dan negara kelahiran; Maklumat Tambahan Pengenalan Diri Kerajaan/Kelayakan Bekerja; Keputusan ujian; Ciri-ciri Peribadi seperti jantina, kurang upaya, status ketenteraan/anggota veteran, dan bangsa/etnik; Maklumat Kesihatan atau Perubatan; serta data lain yang serupa.

Analisis Data: Selain daripada tujuan yang telah dinyatakan bagi Maklumat Peribadi Calon dalam peringkat di atas, P&G juga boleh menggunakan Maklumat Peribadi Calon untuk menjalankan analisis data. Analisis sedemikian dilakukan untuk tujuan memperbaiki pengalaman

calon di P&G, meningkatkan proses pengambilan pekerja kami, merancang strategi pemerolehan bakat P&G, menilai keberkesanan iklan atau kempen pekerjaan P&G, memperbaiki pengalaman pekerja, dan tujuan yang serupa. Jika seseorang calon diambil bekerja, Maklumat Peribadi Calon mungkin akan dipadankan dengan Data Peribadi Pekerja untuk tujuan analisis data. Analisis hanya dilakukan oleh kakitangan yang diberi kuasa, mengikut langkah perlindungan privasi tertentu untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan data anda terpelihara. P&G mengumpulkan data anda secara terkumpul sebelum berkongsi analisis dan pemahaman ini dengan pihak lain. Analitik ini tidak digunakan untuk pemprofilan individu atau membuat keputusan secara khusus.

2.2 Asas Undang-undang untuk Pemrosesan

Undang-undang yang diguna pakai di sesetengah lokasi mungkin memerlukan P&G untuk mewujudkan asas undang-undang untuk memproses Maklumat Peribadi Calon. Asas undang-undang tersebut dinyatakan dalam Lampiran 1 kepada Notis ini.

2.3 Penilaian Calon

Sebagai sebahagian daripada proses perekrutan kami, kami mungkin memerlukan calon untuk melengkapkan penilaian. Penilaian-penilaian ini mengukur kemahiran dan kebolehan yang biasanya tidak muncul daripada temu duga dan membantu kami untuk menentukan sama ada Calon layak untuk jawatan yang mereka telah memohon dan sama ada mereka mempamerkan ciri yang akan membuatkan mereka berjaya di P&G. Penilaian-penilaian ini diperlukan untuk membantu kami mengenal pasti senarai pendek Calon yang sesuai sebelum memasuki kontrak pekerjaan.

Sebagai contoh, salah satu ujian kami memerlukan Calon untuk bergerak balas terhadap situasi kerja hipotetikal dan direka bentuk untuk menilai pengalaman, minat dan sikap berkaitan kerja mereka. Ini membolehkan P&G mengukur cara anda mendapat markah berkaitan dengan ciri personaliti yang akan membawa kepada prestasi kerja yang berjaya dan integrasi pasukan di P&G. Penilaian lain mengukur kemahiran kemunasabahan anda, yang membantu kami menilai sama ada kebolehan anda memenuhi kriteria khusus yang diperlukan untuk berjaya melaksanakan tugas yang anda memohon. Satu lagi jenis penilaian (khusus untuk juruteknik loji atau peranan jualan yang berpengalaman) membantu kami menilai kebarangkalian anda untuk berjaya dalam prestasi kerja berdasarkan respons anda terhadap senario simulasi. Penilaian tersebut adalah kritikal kerana ia membantu kami untuk menentukan jika anda mempunyai kecekapan dan ciri asas yang diperlukan untuk berjaya di P&G.

Untuk kebanyakan peranan, keputusan penilaian secara automatik menentukan sama ada permohonan Calon boleh bergerak ke hadapan, tanpa mengambil kira bahagian lain permohonan anda. Markah lulus untuk penilaian ini ditetapkan secara manual oleh pasukan P&G yang berkaitan. Apabila anda selesai menjawab penilaian, kami menggunakan teknologi automatik untuk mengimbas respons anda, merekodnya, dan kemudian mengira skor anda menggunakan sistem pemarkahan yang telah ditetapkan. Teknologi automatik tidak menentukan soalan yang perlu ditanya, sama ada ia bersetuju dengan jawapan anda, atau cara menetapkan cara skor dikira.

Setakat yang penilaian-penilaian ini boleh dianggap sebagai membuat keputusan automatik di bawah undang-undang yang berkenaan, P&G mematuhi undang-undang yang diguna pakai dalam menjalankan penilaian sedemikian, termasuk menawarkan Calon yang ditolak

berdasarkan keputusan penilaian automatik peluang untuk meminta semakan semula manusia. Setakat yang pilihan ini tersedia untuk anda, anda akan dimaklumkan melalui e-mel dengan arahan lanjut tentang cara meminta semakan semula tersebut.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara ujian ini berfungsi atau untuk mengetahui cara meminta penyusuaian orang kurang upaya berkaitan dengan proses penilaian P&G, sila lawati <https://www.pgcareers.com/hiring-process>.

2.4 Cara Kami Memproses Data Peribadi Anda untuk Menyediakan Berita dan Kemas Kini Melalui E-mel, Mesej Teks dan/atau Saluran Dalam Talian

Jika anda menyerahkan alamat e-mel atau nombor telefon anda pada laman web calon kami atau pada acara perekrutan dan memberi persetujuan untuk menerima komunikasi pemasaran, P&G mungkin menghantar berita, kemas kini dan/atau tinjauan tentang kerjaya dan peranan P&G melalui e-mel atau mesej teks.

Jika anda melawati atau berkongsi Maklumat Peribadi anda pada laman(-laman) web calon P&G atau di acara perekrutan pekerja, daftar untuk makluman kerja (cth., melalui laman(-laman) web calon kami dan/atau memohon pekerjaan dengan P&G, P&G juga boleh berkongsi Maklumat Peribadi Calon anda, termasuk Data Pengenalan Digital, alamat e-mel (dalam bentuk cincang) dan/atau nombor telefon (dalam bentuk cincang) dengan rakan kongsi pengiklanannya. Rakan kongsi pengiklanan P&G kemudiannya boleh menunjukkan kepada anda berita dan kemas kini tentang kerjaya dan peranan pekerjaan P&G yang mungkin berkaitan dengan anda dan orang lain seperti anda, melalui saluran dalam talian (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, saluran seperti LinkedIn, Instagram, Meta, Facebook, Google, TikTok dan YouTube). Jika dikehendaki daripada segi undang-undang, P&G akan mendapatkan persetujuan anda dan/atau membenarkan anda untuk menarik diri daripada penggunaan data anda untuk tujuan-tujuan ini.

Dalam menyesuaikan aktiviti di atas dan jika dibenarkan secara sah, P&G boleh menggunakan ciri-ciri tambahan seperti lokasi umum anda (cth., poskod), jantina, data profesional (cth., sekolah yang dihadiri) dan data yang berkaitan dengan interaksi anda dengan proses dan sistem perekrutan kami (cth., keputusan penilaian dan tanggapan temu duga dan/atau peringkat penyelesaian anda dalam proses permohonan P&G).

Di mana kami bergantung pada persetujuan anda untuk aktiviti di atas dan anda ingin menarik balik persetujuan itu, anda boleh menghubungi kami dengan melawati [laman web](#) ini dan memilih "Saya memerlukan bantuan lanjut." Anda juga boleh memaklumkan kepada kami untuk menghentikan penghantaran e-mel dan/atau teks pesanan kepada anda dengan mengikut arahan pilih keluar yang dihantar bersama komunikasi-komunikasi ini. Penolakan persetujuan anda untuk aktiviti-aktiviti khusus ini tidak akan menjejaskan kesahihan pemrosesan kami sebelum penarikan balik tersebut dan tidak akan membatalkan kelayakan anda daripada menyertai proses perekrutan P&G.

Jika anda pernah melihat iklan pada mana-mana saluran dalam talian yang berkaitan dengan kerjaya atau peranan P&G tanpa berinteraksi dengan P&G atau laman(-laman) web calon kami pada masa lalu, ini mungkin kerana kami telah meminta rakan kongsi pengiklanan kami untuk mengenal pasti individu yang berpotensi sesuai untuk peranan dengan P&G (cth., berdasarkan lokasi dan minat) bagi pihak kami dan memberikan mereka berita dan kemas kini yang berkaitan dengan kerjaya dan peranan P&G. P&G bergantung pada kepentingan sahnya dalam mengenal pasti dan menarik Calon yang layak sebagai asas undang-undangnya untuk aktiviti ini.

2.5 Bagaimanakah Kami Menggunakan Kuki?

Kuki ialah fail kecil yang dihantar ke komputer anda semasa anda melayari laman web. Kuki menyimpan maklumat berguna tentang cara anda berinteraksi dengan laman web yang anda layari. P&G menggunakan kuki pada laman web yang berkaitan kerjaya kami.

Anda boleh menetapkan penyemak imbas anda untuk menolak semua kuki atau untuk menunjukkan bila kuki dihantar ke komputer anda. Walau bagaimanapun, ini boleh mencegah laman web atau perkhidmatan kami berfungsi dengan baik. Anda juga boleh menetapkan penyemak imbas anda untuk memadamkan kuki setiap kali anda selesai melayari.

P&G mematuhi undang-undang yang diguna pakai yang berkaitan dengan kuki. Di sesetengah lokasi, kami menawarkan platform pengurusan persetujuan kuki yang membolehkan anda mengamalkan pilihan berkenaan dengan kategori kuki tertentu. Jika ini tersedia, ini mungkin muncul sebagai sepanduk kuki dan/atau sebagai ikon yang boleh dilihat pada laman web yang berkenaan.

2.6 Bagaimanakah Cara Kami Berkongsi Maklumat Peribadi Calon?

P&G mungkin berkongsi Maklumat Peribadi Calon anda dengan pihak luar yang menyokong proses perekrutan dan komunikasi kami dengan anda. Syarikat memerlukan bahawa pihak luar memberikan tahap perlindungan yang setara seperti yang diguna pakai oleh Syarikat apabila mengendalikan Maklumat Peribadi Calon.

Terdapat beberapa situasi yang memerlukan anda berkongsi maklumat peribadi secara terus dengan pihak ketiga yang terlibat dengan kegiatan perekrutan atau penyertaan P&G, dan dalam kes-kes ini, P&G tidak mengawal cara data anda diproses. Dalam kes-kes ini, anda hendaklah memastikan anda membaca dan memahami notis dan amalan privasi pihak ketiga sebelum berkongsi Maklumat Peribadi anda.

Maklumat Peribadi Calon mungkin dikongsi dengan ibu pejabat dan ahli gabungan P&G kami di seluruh dunia sekiranya perlu untuk memudahkan potensi pekerjaan anda dan/atau pekerjaan sebenar anda dengan P&G. Anda boleh mendapatkan maklumat tentang cara kami melindungi Maklumat Peribadi Calon dalam situasi yang sedemikian dalam bahagian 2.8 Notis ini.

Kami juga mungkin akan mendedahkan Maklumat Peribadi Calon jika kami diminta untuk berbuat demikian oleh undang-undang atau proses perundangan; untuk menguatkuasakan atau melindungi hak dan dasar P&G; untuk membantu penyiasatan bagi aktiviti salah laku atau haram yang disyaki atau benar terjadi dan/atau sebagai sebahagian daripada penjualan perniagaan P&G kepada syarikat lain.

2.7 Apakah Hak Privasi Anda?

Tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, anda boleh mempunyai hak untuk:

- Minta maklumat mengenai data peribadi anda yang diproses oleh P&G, termasuk Maklumat Peribadi Sensitif Calon,
- Meminta akses kepada Maklumat Peribadi Calon yang kami proses tentang anda,
- Meminta agar Maklumat Peribadi yang tidak tepat diperbetulkan,
- Meminta Maklumat Peribadi anda dipadamkan,
- Meminta P&G menyekat pemprosesan Maklumat Peribadi anda atau membantah pemprosesan P&G atas alasan yang berkaitan dengan situasi tertentu anda,

- Meminta P&G untuk menyediakan data anda dalam format yang membenarkan pemindahannya kepada pihak lain,
- Berhak untuk mendapat maklumat dan/atau tidak tertakluk kepada keputusan yang dibuat semata-mata berdasarkan pemprosesan automatik, termasuk pemprofilan, dan/atau
- Sekiranya pemprosesan data peribadi anda adalah berdasarkan pada persetujuan, anda mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda.

Bergantung pada lokasi geografi anda, anda boleh mempunyai hak privasi lain atau tambahan. Sila rujuk adendum khusus negara/negeri [di sini](#). Jika anda menetap di Kawasan Ekonomi Eropah, anda boleh melihat gambaran keseluruhan mengenai hak privasi anda [di sini](#).

Di mana berkenaan, anda boleh melaksanakan hak-hak ini dengan memadam/membetulkan Maklumat Peribadi Calon anda dalam Workday (panduan [di sini](#)) atau dengan melawati [laman ini](#). Jika anda ada aduan mengenai pemprosesan Maklumat Peribadi anda oleh P&G, anda juga boleh membuat aduan tersebut kepada pihak berkuasa perlindungan data di negara anda.

Di mana P&G bergantung pada persetujuan anda untuk memproses Maklumat Peribadi Calon, anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa semasa proses perekrutan dengan melawati laman web ini dan memilih "Saya memerlukan bantuan lanjut." Ini tidak akan menjejaskan kesahihan pemprosesan P&G sebelum penarikan balik tersebut. Maklumat Peribadi Calon yang kami kumpulkan semasa proses perekrutan anda akan disimpan dan dipadamkan mengikut Seksyen 2.10 di bawah.

2.8 Adakah Kami Memindahkan Maklumat Peribadi Calon?

Jika dibenarkan secara sah, Maklumat Peribadi Calon boleh dipindahkan ke negara di luar bidang kuasa tempat anda memberikannya. Contohnya, Maklumat Peribadi Calon mungkin disimpan dalam sistem di Amerika Syarikat atau diakses daripada ahli gabungan P&G global yang lain. Negara-negara tersebut mungkin tidak mempunyai undang-undang perlindungan data yang sama dengan negara tempat tinggal anda. Apabila maklumat anda dipindahkan atau diakses dari negara di luar negara asal anda, kami melaksanakan perlindungan yang sewajarnya serta apa-apa keperluan pentadbiran, teknikal dan/atau kontrak yang diperlukan oleh undang-undang untuk melindungi Maklumat Peribadi Calon. Kami melakukan pemindahan di luar Kesatuan Eropah dan United Kingdom menggunakan perlindungan kontrak (seperti Klausula Kontrak Standard). Jika anda ingin mendapatkan satu salinan mekanisme pemindahan data yang relevan, hubungi corporateprivacy.im@pg.com. P&G juga akan mematuhi sebarang keperluan khusus setiap negara yang mengehendak pemindahan data di luar negara pengumpulan data dan/atau yang memerlukan lokalisasi data.

Jika anda berada di Kawasan Ekonomi Eropah (EEA), United Kingdom (dan Gibraltar) atau Switzerland, harap maklum bahawa P&G diperakui di bawah Rangka Kerja Privasi Data EU-AS (EU-US DPF), Sambungan UK kepada EU-AS DPF dan Rangka Kerja Privasi Data Swiss-AS (Swiss-AS DPF) [secara kolektif, "Rangka Kerja Privasi Data"] yang dibangunkan oleh Jabatan Perdagangan AS dan Suruhanjaya Eropah serta Pesuruhjaya Maklumat dan Perlindungan Data Persekutuan Swiss, masing-masing, mengenai pemindahan maklumat peribadi dari EEA, United Kingdom (dan Gibraltar) atau Switzerland ke A.S., [Klik di sini](#) untuk melihat *Rangka Kerja Privasi Data kami: Dasar Privasi Pekerja*.

2.9 Bagaimanakah Kami Melindungi Maklumat Peribadi Calon?

Kami melaksanakan langkah-langkah fizikal, pentadbiran, kontrak dan teknikal yang sesuai seperti penyulitan dan kawalan akses yang direka bentuk untuk melindungi Maklumat Peribadi Calon daripada penggunaan, akses, pendedahan, pemindaan, kehilangan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan, tidak mematuhi undang-undang atau tidak disengajakan serta semua pemprosesan lain yang menyalahi undang-undang.

2.10 Berapa Lamakah Maklumat Peribadi Saya Disimpan?

Kami menyimpan Maklumat Peribadi Calon untuk tempoh tiga (3) tahun, melainkan tempoh penyimpanan data yang berbeza diperlukan oleh undang-undang yang terpakai. P&G telah mengamalkan standard global selama tiga (3) tahun ini bagi memudahkan kebolehan calon untuk memohon jawatan lain di berbilang negara tanpa perlu mencipta profil baharu. Calon boleh meminta Maklumat Peribadi Calon mereka dipadamkan pada bila-bila masa dalam tempoh tiga tahun (ambil perhatian bahawa jika tindakan ini dilakukan, ini boleh mengganggu atau menamatkan sebarang proses perekrutan yang sedang berjalan). Permintaan anda untuk pemadaman sebelum selesai tempoh tiga tahun akan diterima secara umumnya, melainkan tempoh penyimpanan tiga tahun tersebut dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai; dan/atau untuk memenuhi kepentingan perniagaan P&G yang sah, termasuk, tetapi tidak terhad kepada hak kami untuk melaksanakan atau mempertahankan tuntutan undang-undang.

Seperti yang dimaklumkan dalam Bahagikan 2.1 di atas, jika seorang calon menjadi pekerja, Maklumat Peribadi Calon mereka akan ditambahkan kepada rekod pekerja mereka sebagai Maklumat Peribadi Pekerja. Maklumat Peribadi Pekerja tertakluk kepada [Dasar Privasi Pekerja Global P&G](#) (dan sebarang dasar serantau yang berkenaan), termasuk tempoh penyimpanan yang dinyatakan di dalamnya.

3.0 Pengubahsuaian Masa Hadapan

P&G boleh mengubah suai Notis ini, sebagai contoh, untuk mematuhi perubahan dalam undang-undang, peraturan, amalan dan prosedur Syarikat atau untuk bertindak balas terhadap ancaman baharu atau keperluan baharu yang dikenakan oleh pihak berkuasa perlindungan data. Di mana perubahan tersebut memberikan kesan yang material kepada cara kami memproses Maklumat Peribadi Calon anda, kami akan memberitahu anda dengan sewajarnya.

4.0 Maklumat Hubungan

Pengawal Maklumat Peribadi Calon anda ialah Syarikat Procter & Gamble, termasuk anak syarikat dan gabungan yang relevan. Jika anda mempunyai soalan tentang Maklumat Peribadi Calon anda atau anak syarikat dan ahli gabungan tertentu yang mungkin mempunyai akses kepada Maklumat Peribadi anda, sila e-mel kepada kami di corporateprivacy.im@pg.com. Jika anda mempunyai pertanyaan-pertanyaan atau masalah lain berkenaan dengan pemprosesan data peribadi anda/Maklumat Peribadi Calon, anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Global kami di – E-mel: pgprivacyofficer.im@pg.com, Telefon: +1 (513) 622-0103, Alamat Surat-menyurat: 1 Procter & Gamble Plaza, Cincinnati, OH 45202, A.S.

Lampiran 1: Asas Undang-undang untuk Pemprosesan

Terdapat beberapa peringkat pengumpulan Maklumat Peribadi Calon semasa tempoh perekrutan pekerja:

Peringkat 1: Maklumat Peribadi yang dikumpulkan daripada Calon yang belum lagi memulakan proses perekrutan pekerja kami, tetapi telah menunjukkan minat untuk memohon bekerja di P&G:

Jenis Maklumat Peribadi Calon yang Dikumpulkan Sepanjang Peringkat 1	Asas Undang-undang Dipercayai untuk Pemprosesan (Kawasan Ekonomi Eropah/UK/Switzerland)	Asas Undang-undang Dipercayai untuk Pemprosesan (China Besar; Asia, Timur Tengah dan Afrika)
<p><u><i>Maklumat Hubungan</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh atau nama terdahulu (seperti nama sebelum berkahwin) • Gelaran dan panggilan hormat, termasuk nama dan gelaran pilihan • Alamat e-mel • Nombor telefon • Nombor telefon mudah alih 	Persetujuan	Persetujuan
<p><u><i>Data Profesional</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Resume atau CV 	Persetujuan	Persetujuan
<p><u><i>Data Pengenalan Digital</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Alamat IP • Kuki, tag dan/atau pengecam piksel 	Persetujuan. Anda akan melihat sepanduk kuki pada laman web P&G yang berkaitan yang akan membolehkan anda mengurus pilihan kuki anda.	Persetujuan, jika diperlukan secara sah
<p><u><i>Maklumat Perubatan atau Kesihatan</i></u></p>	Untuk data Perubatan/Kesihatan yang dikongsi berkaitan dengan proses penyesuaian Calon P&G, asas undang-undang ialah kepentingan sah	Persetujuan (Persetujuan berasingan diperlukan di Tanah Besar – China Besar apabila memproses maklumat peribadi yang sensitif)

	<p>kami dalam memastikan penyesuaian yang sewajarnya dibuat untuk Calon. P&G juga mungkin bergantung pada kewajipan undang-undang di bawah undang-undang pekerjaan yang berkuat kuasa.</p>	
--	--	--

Peringkat 2: Maklumat Peribadi yang dikumpulkan daripada peserta aktif dalam proses perekrutan kami:

Jenis Maklumat Peribadi Calon yang Dikumpulkan Sepanjang Peringkat 2	Asas Undang-undang Dipercayai untuk Pemprosesan (Kawasan Ekonomi Eropah/UK/Switzerland)	Asas Undang-undang Dipercayai untuk Pemprosesan (China Besar; Asia, Timur Tengah dan Afrika)
<p><u>Maklumat Hubungan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Nama penuh atau nama terdahulu (seperti nama sebelum berkahwin) • Gelaran dan panggilan hormat, termasuk nama dan gelaran pilihan • Alamat surat menyurat • Alamat e-mel • Nombor telefon • Nombor telefon mudah alih 	<p>Kepentingan yang sah dalam berkomunikasi dengan calon.</p> <p>Persetujuan untuk peringatan teks automatik.</p>	<p>Persetujuan</p>
<p><u>Data Profesional</u></p> <p>Resume atau CV</p>	<p>Kepentingan yang sah dalam menilai kesesuaian Calon untuk peranan di P&G.</p>	<p>Persetujuan</p>
<p><u>Data Profesional Tambahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sejarah pekerjaan terdahulu termasuk rujukan • Data daripada profil LinkedIn dan 	<p>Kepentingan yang sah dalam menilai kesesuaian Calon untuk peranan di P&G.</p>	<p>Persetujuan</p>

<p>platform yang serupa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Data akademik seperti maklumat pendidikan dan ijazah • Lesen profesional, sijil, keahlian serta keanggotaan • Kemahiran peribadi dan profesional (mis., bahasa pertuturan), minat dan hobi • Matlamat dan minat profesional 		
<p><u>Pengenalan Digital Tambahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tandatangan digital 	<p>Kewajipan undang-undang untuk mematuhi keperluan tandatangan digital yang berkenaan.</p>	<p>Persetujuan</p>
<p><u>Maklumat Audio Visual</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Imej • Suara 	<p>Kepentingan yang sah dalam menjalankan temu duga sebagai sebahagian daripada proses perekrutan kami.</p>	<p>Persetujuan</p> <p>(Persetujuan berasingan diperlukan di Tanah Besar – China Besar apabila memproses maklumat peribadi yang sensitif)</p>
<p><u>Maklumat kewangan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat akaun bank 	<p>Kepentingan yang sah dalam memastikan perbelanjaan yang ditanggung semasa proses temu duga dibayar balik.</p>	<p>Persetujuan</p> <p>(Persetujuan berasingan diperlukan di Tanah Besar – China Besar apabila memproses maklumat peribadi yang sensitif)</p>
<p><u>ID Kerajaan/Maklumat Kelayakan Kerja</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • ID Kebangsaan • Kewarganegaraan • Kediaman • Status Kerakyatan • Negara kelahiran • Status ketenteraan dan/atau veteran 	<p>Kepentingan yang sah dalam memastikan kelancaran proses perekrutan kami.</p> <p>Kewajipan undang-undang untuk memastikan Calon layak untuk bekerja.</p>	<p>Persetujuan</p> <p>(Persetujuan berasingan diperlukan di Tanah Besar – China Besar apabila memproses maklumat peribadi yang sensitif)</p>
<p><u>Keputusan Ujian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Markah daripada sebarang ujian bakat, peminasabahan 	<p>Keperluan kontrak</p>	<p>Persetujuan</p>

<p>atau personaliti yang anda lengkapkan sebagai sebahagian daripada proses perekrutan.</p>		
<p><u>Ciri-ciri Peribadi</u> (ambil perhatian bahawa pengumpulan jenis Maklumat Peribadi berikut mungkin berbeza bergantung pada lokasi geografi, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan dan mungkin tidak diminta di semua lokasi atau sebaliknya boleh dikumpulkan dalam Peringkat 3 di bawah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jantina • Status Kurang Upaya • Status ketenteraan dan/atau veteran • Etnik dan/atau bangsa 	<p>Jika maklumat perlu dikongsi oleh Calon dan kecuali seperti yang dinyatakan di bawah, asas undang-undang ialah kepentingan sah P&G dalam memastikan P&G merekrut tenaga kerja yang pelbagai.</p> <p>Jika maklumat diberikan secara sukarela dan tidak perlu dikongsi oleh Calon, asas undang-undang ialah Persetujuan.</p> <p>Untuk data etnik dan/atau kaum yang dikumpulkan di UK, P&G bergantung pada kepentingan awam yang besar dalam merekrut tenaga kerja yang pelbagai.</p>	<p>Persetujuan</p>
<p><u>Maklumat Perubatan atau Kesihatan</u></p>	<p>Untuk data Perubatan/Kesihatan yang dikongsi berkaitan dengan proses penyesuaian Calon P&G, asas undang-undang ialah kepentingan sah kami dalam memastikan penyesuaian yang sewajarnya dibuat untuk Calon. P&G juga mungkin bergantung pada kewajipan undang-undang di bawah undang-undang pekerjaan yang berkuat kuasa.</p>	<p>Persetujuan</p> <p>(Persetujuan berasingan diperlukan di Tanah Besar – China Besar apabila memproses maklumat peribadi yang sensitif)</p>

<i>Maklumat tambahan yang dikumpulkan semasa proses temu duga</i>	Kepentingan yang sah dalam menilai kesesuaian Calon untuk peranan di P&G.	Persetujuan
<i>Sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh undang-undang untuk pematuhan pekerjaan atau secara sukarela diberikan kepada kami oleh Calon</i>		

Peringkat 3: Maklumat Peribadi yang dikumpulkan selepas Calon menerima tawaran pekerjaan, tetapi sebelum memulakan pekerjaan:

Jenis Maklumat Peribadi Calon yang Dikumpulkan Sepanjang Peringkat 3	Asas Undang-undang Dipercayai untuk Pemprosesan (Kawasan Ekonomi Eropah/UK/Switzerland)	Asas Undang-undang Dipercayai untuk Pemprosesan (China Besar; Asia, Timur Tengah dan Afrika)
<u><i>ID Kerajaan</i></u> <u><i>Tambahan/Maklumat</i></u> <u><i>Kelayakan Kerja</i></u> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh lahir • Nombor kad pengenalan • Nombor lesen memandu • Nombor pasport • Maklumat pengenalan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan yang mungkin diperlukan untuk tujuan pematuhan (cth., visa kerja atau imigresen atau nombor lesen jika anda seorang individu profesional yang berlesen) 	<p>Kewajipan undang-undang untuk memastikan individu layak untuk bekerja.</p> <p>Kepentingan yang sah dalam memastikan keselamatan tenaga kerja kami dan individu layak untuk melaksanakan peranan mereka.</p>	Persetujuan
<u><i>Maklumat Perubatan atau Kesihatan</i></u>	Kepentingan yang sah dalam memastikan penyesuaian yang sesuai	Persetujuan

	<p>dibuat untuk Calon dan dalam menilai kesesuaian untuk sesuatu peranan.</p> <p>Kewajipan undang-undang di bawah undang-undang pekerjaan yang berkuat kuasa.</p>	
<p><i>Sebarang maklumat lain yang diperlukan oleh undang-undang untuk pematuhan pekerjaan atau secara sukarela diberikan kepada kami oleh Calon</i></p>		

Analisis Data: Di Kawasan Ekonomi Eropah/UK/Switzerland, P&G bergantung kepada kepentingan sah kami untuk pemprosesan ini, kecuali jika persetujuan diperlukan secara sah. Untuk wilayah Greater China, Asia, Timur Tengah, dan Afrika, asas undang-undang yang digunakan adalah persetujuan.